

# **PERTUBUHAN ORANG CACAT PENGLIHATAN MALAYSIA**

## **SKIM PINJAMAN PUSINGAN UNTUK MEMBELI PERALATAN BAGI PENJAWAT-PENJAWAT SBM**

### **MAKLUMAT DAN SYARAT-SYARAT:**

#### **1. PERMOHONAN:**

- 1.1 Setiap permohonan hendaklah dibuat di dalam dua salinan dan dihantar kepada pengerusi jawatankuasa yang bertanggungjawab meluluskan skim ini.
- 1.2 Permohonan pinjaman oleh ahli biasa dari mana-mana Jawatankuasa selain dari Jawatankuasa Skim Pinjaman Pusingan Peralatan (JSPPP), hendaklah disokong oleh pengerusi Jawatankuasa berkenaan.
- 1.3 Permohonan pinjaman oleh ahli-ahli JSPPP hendaklah dikemukakan kepada Presiden dan Setiausaha Agung untuk mendapatkan kelulusan.
- 1.4 Setiap borang permohonan pinjaman hendaklah disertakan dengan cadangan bayaran balik.

#### **2. MEREKA YANG LAYAK MEMOHON:**

##### **2.1 Mereka yang layak memohon terdiri daripada:**

- A) Ahli-ahli Majlis Presiden;
- B) Ahli-ahli Jawatankuasa utama;
- C) Ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan/Kawasan;
- D) Ahli-ahli JSPPP;
- E) Pegawai-pegawai eksekutif SBM; dan
- F) Ahli-ahli biasa/bersekutu yang tidak menganggotai mana-mana jawatankuasa SBM tetapi berkhidmat untuk SBM atas nasihat/yang dipersetujui oleh Presiden.

##### **2.2 Kelayakan memohon juga tertakluk kepada syarat-syarat berikut:**

- A) Telah menjadi ahli sekurang-kurangnya setahun termasuk kemasukan semula (KECUALI BUKAN AHLI.)
- B) Tiada tunggakan yuran keahlian dan tunggakan ansuran pinjaman SBM.
- C) Tiada dikenakan sebarang hukuman oleh SBM.
- D) Tiada cubaan atau bersubahat dengan mana-mana pihak untuk memecah-belahkan SBM.

3. SENARAI PERALATAN/KEPERLUAN YANG BOLEH DIPERTIMBANGKAN:

- A) Alatulis
- B) Perakam suara.
- C) Pakaian rasmi.
- D) Fail/beg bimbit.
- E) Telefon bimbit (handphone)
- F) Lain-lain peralatan yang ada kaitannya dengan tugas/perkhidmatan pemohon kepada SBM.

4. JUMLAH TABUNGAN:

Sejumlah RM3,000.00 diperuntukkan sebagai permulaan dan boleh ditambah atau dikurangkan mengikut keperluan. Setelah mendapat kelulusan perhimpunan ahli dalam mesyuarat agung luarbiasa SBM pada 8 Disember 1996, tabungan skim ini kini berjumlah RM10,000.00.

5. SYARAT-SYARAT PINJAMAN:

- 5.1 Hanya satu pinjaman sahaja yang akan diluluskan dalam satu-satu masa.
- 5.2 Bayaran belian ke atas peralatan yang diluluskan hendaklah dibuat terus kepada pembekal. Jika tidak bukti pembelian mestilah dikemukakan kepada JSPPP dalam masa 14 hari selepas menerima bayaran pinjaman yang dipohon.
- 5.3 Hakmilik ke atas peralatan yang dibeli adalah terletak kepada SBM dan hanya akan berpindah-milik kepada pemohon sebaik sahaja segala ansuran selesai dijelaskan.
- 5.4 Jumlah maksima sebanyak RM1,000.00 sahaja yang akan diluluskan untuk satu-satu permohonan.
- 5.5 Setiap peminjam hendaklah mencari penjaminnya sendiri di kalangan ahli-ahli Majlis Presiden/jawatankuasa utama/cawangan/kawasan/pegawai eksekutif yang terdiri daripada warganegara Malaysia, berumur tidak kurang daripada 21 tahun dan mempunyai pendapatan tetap sekurang-kurangnya RM500/- sebulan.
- 5.6 Pinjaman bagi pegawai eksekutif perlu mendapat sokongan dari Presiden/Setiausaha Agung.
- 5.7 Permohonan pinjaman oleh ahli biasa dari mana-mana Jawatankuasa selain daripada JSPPP hendaklah disokong oleh pengerusi dari Jawatankuasa yang berkenaan.
- 5.8 Permohonan pinjaman oleh pengerusi mana-mana Jawatankuasa dan ahli JSPPP hendaklah disokong oleh Presiden/Setiausaha Agung
- 5.9 Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan maklumat/sebut harga barangan daripada pembekal.

## 6. BAYARAN BALIK:

- 6.1 Bayaran balik pinjaman hendaklah secara ansuran dan tidak melebihi jangka masa 18 bulan atau tidak kurang daripada RM40/- sebulan. Setiap borang permohonan pinjaman hendaklah disertakan dengan cadangan bayaran balik.
- 6.2 Bagi pinjaman yang diluluskan pada atau sebelum 15 haribulan untuk sesuatu bulan, maka bayaran balik yang pertama hendaklah dibuat pada atau sebelum hari terakhir dalam bulan yang sama. Walau bagaimanapun, jika pinjaman diluluskan selepas 15 haribulan di dalam sesuatu bulan, maka bayaran balik yang pertama hendaklah dibuat pada atau sebelum hari terakhir bulan berikutnya.
- 6.3 Kaedah pembayaran balik hendaklah dilakukan secara tunai, cek atau lain-lain cara yang dipersetujui oleh JSPPP.

## 7. PENGUATKUASAAN:

- 7.1 Peminjam yang gagal membayar balik pinjamannya melewati 7 hari dari tarikh pembayaran yang sepatutnya dibuat akan menerima amaran bertulis yang antara lain akan menerangkan baki terakhir pinjaman yang masih tertunggak.
- 7.2 Sekiranya peminjam masih gagal menjelaskan bayarannya selepas 14 hari dari tarikh amaran pertama dikeluarkan, maka JSPPP akan mengeluarkan amaran bertulis kedua yang antara lain akan menerangkan baki pinjaman tertunggak serta kedudukan undang-undang yang boleh diambil terhadap beliau.
- 7.3 Sekiranya peminjam masih gagal membayar balik selepas amaran kedua dikeluarkan, JSPPP berhak mengambil apa jua tindakan yang difikirkan wajar bagi mendapatkan balik baki yang terhutang.



Ahli Majlis Presiden/Jawatankuasa Utama/Cawangan/Kawasan/Pegawai Eksekutif  
(Tandakan Yang Berkenaan)

Semua keterangan yang diberikan di atas adalah benar belaka.

\_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PENJAMIN)

Untuk diisi oleh JAWATANKUASA PINJAMAN

Permohonan di atas adalah diluluskan/tidak diluluskan.

Jumlah yang diluluskan : RM \_\_\_\_\_ Ansuran Bulanan : RM \_\_\_\_\_ sebulan

Tempoh Bayaran Balik : \_\_\_\_\_ Bulan

.....  
(TANDATANGAN PENGERUSI JAWATANKUASA PINJAMAN) TARIKH: \_\_\_\_\_

Untuk diisi oleh Bendahari Kehormat:

Dibayar Kepada : \_\_\_\_\_

Jumlah Yang Dibayar : RM \_\_\_\_\_ Bentuk Bayaran : \_\_\_\_\_

No. Cek/Kiriman Pos/Resit Bayaran Bank  
(jika bayaran dalam bentuk bukan tunai) : \_\_\_\_\_

Tarikh Mula Bayaran Balik : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ (TANDATANGAN BENDAHARI KEHORMAT) \_\_\_\_\_ (Chop Rasmi)

Tarikh : \_\_\_\_\_